



**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>'Govt on track to achieve renewable energy target'</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Sungai jadi merah jambu kerana belacan</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Lebih banyak tender solar akhir 2020</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Menteri sertai operasi gempur kilang haram</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 4
5.	<u>Air sungai merah jambu</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 5
6.	<u>Kilang kimia di zon penampan</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 6
7.	<u>'Hanya air basuhan proses belacan'</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Tiada kaitan dengan loji kumbahan</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 8
9.	<u>JAS tunggu keputusan 206 kilang lagi</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 9

**TEMPATAN**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
10.	<u>Sistem sisa ke tenaga dimulai tahun depan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10
11.	<u>What are Malaysian factories doing to cut</u>	New Straits	Rujuk lampiran 11



Akhbar Tempatan

	<b><u>greenhouse gas emissions?</u></b>	Times	
12.	<b><u>Move to clean up beaches in war against waste</u></b>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 12
13.	<b><u>Raising awareness of climate change</u></b>	The Star	Rujuk lampiran 13
14.	<b><u>Up in arms over dumpsite stink</u></b>	The Star	Rujuk lampiran 14

## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
15.	<b><u>Varsities mobilise to fight climate change</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 15
16.	<b><u>Hayabusa2 mendarat kali kedua atas asteroid</u></b>	Berita Harian	Rujuk lampiran 16
17.	<b><u>7 maut ribut kuat, hujan landa Greece</u></b>	Berita Harian	Rujuk lampiran 17
18.	<b><u>Cruises worry green groups</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 18
19.	<b><u>'Neraka' 20 minit</u></b>	Harian Metro	Rujuk lampiran 19

LAMPIRAN 1  
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS): MUKA SURAT 22  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

LSS POWER PROJECTS

# 'Govt on track to achieve renewable energy target'

**KUALA LUMPUR:** The government is committed to fulfilling its promise in the Pakatan Harapan's manifesto to raise Malaysia's installed capacity of renewable energy to 20 per cent by 2025 from two per cent last year.

"We are on track. Although some detractors say this renewable energy target in our country's power mix may seem ambitious, I believe it is doable," said Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin.

She was speaking at the opening ceremony of the Evolution of ESG Investing seminar hosted by Malayan Banking Bhd and Bursa Malaysia Bhd, here, yesterday.

In making renewable energy financing more attractive, Yeo said the government had expanded the list of assets available for the Green Investment Tax Allowance to 40 items from nine. Many of these are renewable energy items for biogas, biomass and small hydro installations.

In February this year, the government opened bids for RM2 billion projects under the third

round of the large-scale solar (LSS) scheme to increase electricity generation from renewable energy.

Yeo said the government would continue to host more bids for LSS power projects.

"In the next round, there will be some changes on how we will tender the LSS projects. It will be more innovative to lower costs," she added.

*In the next round, there will be some changes on how we will tender the LSS project. It will be more innovative to lower costs.*

**YEO BEE YIN**  
Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister

Yeo said she expected commercial and industrial buildings to tap solar as energy and be early adopters of the revised Net Energy Metering (NEM) scheme.

The NEM offers those who opt for solar energy lower tariffs, tax incentives, solar leasing programmes, and reduced electricity bills through the one-on-one offset, where every one kilowatt-hour (kWh) exported to

the grid will be offset against 1kWh consumed from the grid.

It was reported that the government had allocated a NEM quota of 500 megawatts (MW) this year, with 450MW allocated for commercial and industrial buildings, and the remaining 50MW for residential buildings.

**Ooi Tee Ching**

LAMPIRAN 2  
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 14  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

Perubahan warna kerana aktiviti membasuh hasil laut

# Sungai jadi merah jambu kerana belacan

**B**AGAN DATUK – Perubahan warna air menjadi merah jambu di sebatang anak sungai di Kampung Baru Sungai Tiang Rungkup di sini yang disangka pencemaran bahan toksik sebenarnya berpunca daripada kilang memproses belacan di kawasan tersebut.



Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar negeri, Dr. Abdul Aziz Bari (**gambar kecil**) berkata, air basuhan hasil laut untuk pembuatan belacan yang diproses sebuah kilang berdekatan punca air sungai bertukar warna sementara bau busuk disebabkan air yang bertakung kerana gagal dilepaskan ke laut.

“Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri dan Jabatan Kesihatan negeri telah mengambil sampel air di anak sungai itu dan hasil pemeriksaan mendapati tidak mempunyai sebarang pencema-



KEADAAN air anak sungai yang bertukar warna ke merah jambu ketika lawatan kerja Abdul Aziz di Kampung Baru Sungai Tiang, Bagan Datuk semalam.

ran bahan kimia.

“Bagaimanapun, kita akan melakukan kerja-kerja pembersihan di sekitar anak sungai tersebut kerana pencemaran itu boleh mendatangkan ketidakselesaan penduduk di sini,” katanya ketika melakukan tinjauan di kawasan berkenaan di sini, semalam.

Abdul Aziz berkata, pihak-

nya akan memastikan agensi yang bertanggungjawab mengatasi pencemaran itu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengelakkan masalah sama berulang pada masa akan datang.

“Saya difahamkan jika anak sungai itu dibersihkan, mendapan atau tanah pasir akan naik ke atas permukaan air semula

## INFO Belacan

- Dikatakan mula dihasilkan sejak tahun 1805
- Dibuat daripada udang kecil atau geragau yang dimampatkan
- Digunakan dalam resipi kebanyakan menu masakan Asia
- Dimasak dengan pelbagai menu seperti sambal, nasi goreng belacan, masak tumis dan sebagainya
- Menjadi sumber ekonomi usahawan desa yang tinggal berhampiran laut

dan masalah pencemaran akan berulang. Jadi, saya berharap agensi terbabit dapat mengambil langkah sewajarnya supaya masalah itu boleh diatasi sepenuhnya.

“Saya melihat kawasan ini berpotensi untuk diperindahkan bagi tempoh jangka masa panjang dan masalah pencemaran yang berlaku sejak 10 tahun lalu dapat diselesaikan sepenuhnya tidak lama lagi,” katanya.

Sementara itu, Pengarah JAS negeri, Norazizi Adinan berkata, sampel air di sekitar kawasan berkenaan telah diambil pada 1 Julai lepas selepas menerima aduan daripada penduduk setempat mengenai pencemaran dan bau busuk yang berlaku di situ.

LAMPIRAN 3  
 UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 36  
 TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Lebih banyak tender solar akhir 2020

Oleh NABILA YASMIN RAZIB  
 ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 JULAI

**K**ERAJAAN dijangka mengumumkan lebih banyak tender bagi projek tenaga solar berskala besar (LSS) menjelang akhir tahun 2020 sejajar dengan komitmennya untuk meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh diperbaharui sebanyak 20 peratus menjelang 2025.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, terdapat beberapa perubahan dilakukan pada tender berkenaan untuk menjadikannya lebih inovatif.

"Ia (tender) akan menjadi

lebih inovatif dan diharapkan dapat memacu kos lebih rendah," katanya pada forum pelaburan *Evolution of ESG Investing* yang dianjurkan oleh Maybank dan Bursa Malaysia di sini hari ini.

Februari lalu, kerajaan telah mengumumkan pembukaan tender untuk projek bernilai RM2 bilion di bawah skim LSS pusingan ketiga (LSS3) bagi meningkatkan penjanaan elektrik daripada tenaga boleh diperbaharui (RE).

Bee Yin berkata, di bawah projek LSS3 itu, setiap 1 megawat (mW) loji solar dijangka dapat menjana tenaga sebanyak 1,490 mW perjam yang berupaya membekalkan elektrik kepada hampir 160 buah rumah.

Selain itu katanya, ia

juga dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 1,034 tan setahun bersamaan dengan jumlah penyerapan karbon dioksida oleh kawasan hutan seluas kira-kira 1,000 ekar.

"Dari segi manfaat ekonomi pula, pelaksanaan projek LSS3 mampu menjana pelaburan berjumlah RM2 bilion dengan mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini," katanya.

Bee Yin berkata, projek LSS3 dijangka dikomersialkan dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Katanya, setakat ini sebanyak 719 syarikat telah mengambil bahagian dalam tender itu dan menyifatkannya akan menjadi persaingan sengit dalam kalangan para pemain industri.

Penyerahan cadangan tawaran bagi projek LSS3 akan ditutup pada pertengahan Ogos ini.



YEO BEE YIN



LAMPIRAN 4  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)



Bee Yin bersama kakitangan JAS dan MPPG dalam operasi bersepadu gempur kilang haram di Pasir Gudang, semalam.

(Ihsan Facebook JAS)

# Menteri sertai operasi gempur kilang haram

## MPPG, JAS sita premis di Pasir Gudang

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

**Pasir Gudang:** Operasi bersepadu menggempur kilang haram di Pasir Gudang, semalam turut disertai Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Menerusi entri dimuat naik dalam laman Facebook Jabatan Alam Sekitar (JAS), operasi bersepadu itu membabitkan dua agensi, iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor.

Turut dimuat naik beberapa gambar yang turut menunjukkan kilang haram yang disita selain


keadaan dalam premis yang kotor dan tidak tersusun.

Dalam kenyataan itu memaklumkan, MPPG menyita beberapa kilang haram dan diarah henti operasi sebelum tindakan seterusnya mengarahkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) memotong bekalan elektrik ke kilang berkenaan.

Kenyataan itu turut memaklumkan fokus operasi pemeriksaan dilakukan adalah terhadap kilang haram yang tiada lesen perniagaan.

Semalam *BH* melaporkan sebanyak lapan lagi kilang dalam kawasan perindustrian di sini, digempur dalam operasi bersepadu, malam Selasa lalu menjadikan keseluruhan 237 premis sudah diperiksa sehingga pagi kelmarin.

Pengarah JAS negeri, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, berkata daripada lapan kilang diperiksa,



Keadaan premis kotor dan tidak tersusun.

dua kompaun dikeluarkan membabitkan kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Katanya, sebuah kilang juga dikenakan notis daripada MPPG kerana beroperasi tanpa lesen.

Daripada 237 kilang sudah diperiksa, sebanyak 132 kompaun, 55 Notis Arahan dan 11 Perintah Tahan Operasi dikeluarkan selain tiga premis disyor tindakan mahkamah.

LAMPIRAN 5  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Air sungai merah jambu

■ Pencemaran disah berpunca daripada kilang buat belacan, bukan bahan kimia



WARNA air anak sungai di Kampung Baru Sungai Tiang berubah warna bukan disebabkan pencemaran seperti yang didakwa.



ABDUL Aziz (kanan) menunjukkan perubahan warna air anak sungai di Kampung Baru Sungai Tiang.

Noor Hidayah Tanzizi  
am@hmetro.com.my

### Bagan Datuk

Air basuhan hasil laut untuk pembuatan belacan dikenal pasti punca air anak sungai di Kampung Baru Sungai Tiang di sini, menjadi merah jambu.

Penemuan itu sekali gus menepis dakwaan perubahan warna air sungai itu disebabkan pencemaran bahan kimia seperti didakwa penduduk sebelum ini.

Terdahulu, penduduk mendakwa berlaku pencemaran di sungai berkenaan dipercayai berpunca daripada empangan yang rosak dan kewujudan kilang belacan di kawasan berkenaan sehingga menyebabkan bau busuk.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar negeri, Dr Abdul Aziz Bari berkata, perubahan warna air itu tidak membabitkan bahan kimia dan laporan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga menunjukkan ia tidak membabitkan isu pencemaran.

“Perubahan warna itu dipercayai berpunca daripada kewujudan kilang belacan berhampiran kawasan berkenaan.

“Jabatan Kesihatan sudah melakukan pemeriksaan dan setakat ini tiada yang serius tetapi kualiti (air) itu kita mahu jaga.

“Bagaimanapun, kita akan melihat supaya tidak ada sebarang pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang yang ada termasuk membabitkan kilang belacan berkenaan,” katanya selepas melakukan tinjauan di sungai

berkenaan di sini, semalam.

Abdul Aziz berkata, pihaknya juga akan memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi bagi mengelakkan masalah ketika kerja penyelenggaraan dijalankan Jabatan Pengairan dan Sungai (JPS) di sungai berkenaan.

Katanya, penduduk juga bimbang kawasan jemuran udang kering mereka akan terjejas apabila jentera melalui kawasan terbabit.

“Kita sudah mengenal pasti masalah yang menjadi rungutan penduduk dan mohon agensi berkaitan supaya menjalankan langkah sepatutnya supaya ia dapat diatasi,” katanya.

Sementara itu, Pengarah JAS Perak, Norazizi Adinan berkata, pihaknya menjalankan lima siasatan sejak 2018 dan pemeriksaan sampel air di premis berkenaan juga diambil pada 1 Julai lalu.

LAMPIRAN 6  
SINAR HARIAN (UTARA): MUKA SURAT 39  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Kilang kimia di zon penamparan

*Penduduk bimbang pembinaan hampir dengan kawasan perumahan*

MUHAMMAD AMMAR MUBASSYIR ABDUL HADI

KULIM



Jarak kilang dan kawasan penduduk hanya dipisahkan 358 meter.

Lebih 3,000 penduduk di Taman Kulim Utama Fasa 1 bimbang apabila zon penamparan berkenaan bakal dibina kilang memproses bahan kimia.

Mereka bimbang tragedi di Bhopal, India yang mengorbankan lebih 3,800 nyawa dalam satu malam pada 3 Disember 1984 akibat kebocoran gas berulung selain pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kulim Utama Fasa 1, Faudzi Abdullah berkata, kilang berkenaan menghasilkan barangan semi konduktor yang menggunakan pelbagai jenis bahan kimia termasuk hidrogen.

Menurutnya, pembinaan bangunan tambahan kilang di kawasan zon penamparan mendedahkan ribuan nyawa dengan kebocoran gas selain letupan sekiranya berlaku sesuatu tidak diingini.

"Penempatan penduduk kini hanya dipisahkan pada jarak 358 meter dengan kilang sedia ada yang mempunyai dua tangki gas itu.

"Ladang kelapa sawit yang dijadikan zon penamparan pula akan dibangunkan projek tambahan industri tersebut yang menyebabkan penempatan kami kini tanpa zon penamparan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Sementara itu, perjumpaan di antara penduduk, pengurusan Kulim Technology Park Corporation (KTPC) bersama beberapa agensi telah diadakan.

Ketua Pegawai Eksekutif KTPC, Mohd Shahil Zabidi

berkata, Infineon Technology Kulim Sdn Bhd menyampaikan hasrat kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), kerajaan negeri dan KTPC untuk membina kilang tambahan bagi meningkatkan pengeluaran.

Menurutnya, berdasarkan keperluan, 12.8 hektar daripada 20.8 hektar kawasan kelapa sawit berkenaan milik MBAS Jaya telah dikenal pasti.

"Permohonan telah dipanjangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Kedah dan telah diberi kelulusan pada 7 Mac lalu.

"KTPC telah meterai perjanjian pajakan dengan Infineon pada 30 Mei lalu," katanya.



**[KLIK]**

LAWATAN | Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah berkenan melawat tapak pembinaan Hospital Pendang semalam. Hospital berkenaan yang berkeluasan sembilan hektar dijangka siap sepenuhnya hujung 2021 dengan kapasiti sebanyak 126 katil pesakit.





LAMPIRAN 7  
SINAR HARIAN (UTARA): MUKA SURAT 39  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)



Abdul Aziz (tiga dari kanan) menunjukkan parit di Kampung Baru Sungai Tiang Bagan Datuk bertukar warna merah jambu ketika lawatannya semalam.

‘Hanya air basuhan proses belacan’

BAGANDATUK - Tiada pencemaran air berlaku di parit di Kampung Baru Sungai Tiang di sini seperti didakwa penduduk.

Sebaliknya, air berubah menjadi warna merah jambu kerana air basuhan hasil laut bagi pembuatan belacan dan bau busuk pula berpunca daripada air yang bertakung di parit selepas gagal dilepaskan ke laut.

Exco Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar, Dr Abdul Aziz Bari berkata, perubahan warna air tidak membabitkan bahan kimia dan laporan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan hasil negatif.

“JAS dan Jabatan Kesihatan negeri telah mengambil sampel air dan pemeriksaan mendapati tiada pencemaran bahan kimia

**PENCEMARAN  
PARIT KG BARU  
SG TIANG**

serta masalah kesihatan yang dihadapi penduduk.

“Bagaimanapun kita akan melakukan kerja pembersihan sekitar parit tersebut bagi memberi keselesaan kepada penduduk,” katanya selepas melakukan tinjauan di kawasan terbabit semalam.

Sementara itu, Pengarah JAS Perak, Norazizi Adinan berkata, pihaknya sudah menjalankan lima siasatan sejak 2018 dan pemeriksaan sampel air dari premis terlibat sudah diambil pada 1 Julai lalu.

“Air berkenaan tidak tercemar dengan bahan kimia, sebaliknya ia air basuhan hasil laut iaitu udang, cuma bau busuk yang dilaporkan penduduk adalah kerana air itu bertakung tidak lepas ke laut,” katanya.



**LAMPIRAN 8**  
**SINAR HARIAN (UTARA): MUKA SURAT 40**  
**TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)**

**Tiada kaitan dengan loji kumbahan**

**JOHOR BAHRU** - Pencemaran Sungai Danga yang menyebabkan air bertukar menjadi warna hitam tidak mempunyai kaitan dengan kerja-kerja rawatan sisa kumbahan.


Menurut Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), semua loji syarikat di sekitar kawasan sungai berkenaan berada dalam keadaan baik dan mematuhi piawaian **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**.

"IWK sentiasa memastikan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan di semua 6,700 buah loji di bawah seliaan IWK sentiasa mengikut spesifikasi dan prosedur ditetapkan pihak berkuasa," katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, bagi membantu pemuliharaan sungai berkenaan, IWK juga bekerjasama dengan pihak kawal selia seperti JAS, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Kerjasama turut melibatkan Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (Bakaj) dan pihak berkuasa tempatan Majlis Banda-

PENCEMARAN  
SUNGAI  
DANGA



Keadaan air yang bewarna hitam di Sungai Danga.

raya Iskandar Puteri (MBIP) berhubung aduan air Sungai Danga yang bertukar warna kepada hitam dan berbau.

"Malah pasukan IWK Johor turut membantu agensi terbabit mencari punca sebenar pencemaran di sungai itu," katanya.

Sebelum ini, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Datuk Amran A Rahman memberitahu, maklumat awal daripada pihak JPS menyatakan pencemaran berpunca daripada pelepasan akhir loji milik IWK di kawasan Taman Bukit Indah dan Taman Perling.

LAMPIRAN 9  
SINAR HARIAN (UTARA): MUKA SURAT 40  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)


## JAS tunggu keputusan 206 kilang lagi

JOHOR BAHRU - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor sedang menanti keputusan 206 lagi kilang kimia yang masih belum memutuskan untuk bersetuju dengan arahan mandatori kerajaan agar menjadikan 111 sekolah di Pasir Gudang sebagai sekolah angkat.

Pengarahnya, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar berkata, pihaknya difahamkan pengurusan tertinggi kilang-kilang tersebut masih belum membuat keputusan.

"Kami akan membuat susulan dengan kilang-kilang lain. Sebelum ini wakil kilang yang hadir sesi *townhall* memaklumkan bahawa mereka perlu mendapatkan keputusan pengurusan tertinggi kilang," katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, Pengarah



WAN ABDUL LATIFF

**111 SEKOLAH  
DIJADIKAN  
SEKOLAH ANGKAT**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor, Azman Adnan dilaporkan

mengesahkan hanya 44 buah kilang yang telah menyatakan persetujuan untuk menjadikan sekolah di kawasan pencemaran sebagai sekolah angkat.

Minggu lalu, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin mengumumkan semua

### info

- Terdapat 250 kilang kimia beroperasi di Pasir Gudang
- Kilang tersebut diberi tempoh dua minggu untuk buat keputusan

kilang kimia di Pasir Gudang perlu menjadikan 111 sekolah di Pasir Gudang sebagai sekolah angkat dan menanggung kos pembelian alat pengesan gas di sekolah tersebut.

Keputusan itu diambil selepas mengadakan sesi *townhall* bersama wakil industri di Menara Aqaba Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Mengulas lanjut, Wan Abdul Latiff berkata, kilang-kilang tersebut mempunyai tempoh dua minggu untuk membuat keputusan.

## LAMPIRAN 10

### UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 10

#### TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

## Sistem sisa ke tenaga dimulai tahun depan

**KUALA LUMPUR 11 Julai** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhasrat melaksanakan sistem pelupusan sampah dikenali sebagai sisa kepada tenaga (WTE) bermula pada tahun depan.

Menterinya Zuraida Kamaruddin berkata, ini selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan sistem pelupusan sampah yang maju digunakan.



**ZURAIDA KAMARUDDIN**



**NORAINI AHMAD**

“Untuk WTE, kementerian berhasrat sistem pelupusan sampah kita maju kepada sistem WTE.

“Kita berharap dalam 2020, kita akan dapat memulakan projek

ini (WTE),” katanya sewaktu sesi pertanyaan-pertanyaan lisan dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Dr. Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong)** yang ingin tahu mengenai mekanisme yang digunakan kementerian berkenaan projek WTE.

Menjawab soalan **Lukman Awang Sauni (GPS-Sibuti)** mengenai kesediaan kerajaan negeri Sarawak untuk membina perumahan mampu milik, Zuraida memberitahu kementerian akan meneliti kesesuaian cadangan pembinaan rumah mampu milik di 13 bidang tanah yang ditawarkan kerajaan negeri itu.

Pihaknya tiada sebarang masalah menerima cadangan kerajaan negeri Sarawak namun pembinaan projek itu tertakluk kepada kesesuaian lokasi tanah berkenaan.

“(Lokasi) mesti strategik dan terletak di dalam kawasan yang ada infrastruktur, kalau tidak akan membebankan kos sara hidup golongan B40 yang memiliki rumah dalam kawasan ini.

“Sekiranya tidak sesuai, kita akan maklumkan kepada kerajaan negeri dan mungkin kerajaan negeri boleh gantikan dengan tapak tanah yang lain,” katanya.



LAMPIRAN 11  
 NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 64  
 TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

## ENVIRONMENT

# What are Malaysian factories doing to cut greenhouse gas emissions?

**WITH** the discovery of oil in the Norwegian continental shelf in 1969, the country recognised the restricted nature of petroleum reserves and enacted down-to-earth policies to administer its new-found resource.

Norwegian economic planners had the foresight to think of the future, instead of pondering only on the present.

Strategies were designed to pave the way for Norwegians to maintain the long-term wealth of their country while sustaining present economic goals.

Norway has been practising state capitalism with welfare-oriented policies, which was a viable economic model that continues to be a recipe for the country's development.

Stavanger today is the hub of the oil and gas industry in Norway and a world-wide hive of activity for the industry, along with its peers, Aberdeen and Houston.

Norway's oil wealth is pragmatically managed through the Norwegian Government Pension Fund Global, also known as the Norwegian National Oil Fund.

It has more than US\$1 trillion (RM4.14 trillion) in assets, making it the world's largest sovereign wealth fund.

Norges Bank Investment Management (NBIM) manages the fund on behalf of the Finance Ministry, which owns the fund on behalf of Norwegians.

The ministry transfers petroleum revenue to the fund

and the capital is invested abroad, to avoid overheating the Norwegian economy and to shield it from fluctuations in oil prices.

The fund's investments include international equity, fixed-income markets and real estate.

The aim is to have a varied investment combination that will give the maximum possible risk-adjusted return within the guiding principles outlined by the ministry.

In May last year, the fund was worth about US\$195,000 per Norwegian citizen.

Over the years, environmental considerations have been at the heart of the fund's goals too.

The Norwegian government came up with a law requiring the fund to abandon its investments

in eight coal companies.

Despite divesting from fossil fuels, the fund will retain stakes in major oil companies it believes is investing in clean technology.

The focus will be on investments in renewable energy, with the government recommending a threshold of two per cent of the fund for environment-related activities.

Today, as a result of its oil wealth, Norway provides its citizens with among the best health-care, maternity and educational benefits in the world.

Norway's success is attributed to the MPH formula: meritocracy, pragmatism and honesty.

In Malaysia, we rarely hear of steps undertaken by the Malaysian corporate sector to build cli-

mate resilience and tackle global warming.

What measures are firms undertaking to slash emissions of greenhouse gases in their factories?

It is time the Education Ministry include these critical issues as a subject requiring a compulsory pass in exams.

The print and electronic media also seldom highlights this issue.

Malaysia must show the world that it is meeting its obligations to tackle global environmental concerns and that it is ready to face this challenge.

**BENEDICT LOPEZ**

Former director, MIDA  
 Stockholm/economic counsellor,  
 Malaysian embassy in Sweden

LAMPIRAN 12  
 THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 5  
 TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Move to clean up beaches in war against waste

■ BY SYED DANIAL SYED AZAHAR  
 newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** More than 600 employees of Nestle Malaysia "invaded" nine beaches across the country last week in a campaign to clean up the shores.

They were armed with garbage bags and rakes and at the end of the campaign, they collected 5.6 tonnes of waste.

The effort, carried out jointly with the Malaysian Nature Society (MNS), was part of the company's global effort to wage war against plastic waste and to commemorate World Oceans Day, which falls on June 8 every year.

Nestle Malaysia chief executive officer Juan Aranols said the company was committed in tackling the problem of plastic waste.

"We aim to make all our packaging recyclable or reusable by 2025."

He said 65% of the company's product packaging was already recyclable, adding that Nestle was also committed to eliminating single-use plastic items from all its work sites by September.



Aranols and Nestle staff picking up litter at Pantai Remis.

MNS president Prof Dr Ahmad Ismail said Nestle's efforts showcased how companies and communities could do their part in environmental conservation.

The beach clean-up effort was conducted in Pantai Remis, Pantai Morib, Pantai Cermin, Pantai Robina, Pantai Sepat, Pulau Perhentian, Pantai Batu Layar,

Pantai Santubong and Pantai Kudat. The team in Pantai Cermin collected 1.3 tonnes of trash, the largest portion of the total waste collected.


LAMPIRAN 13  
 THE STAR (EVENTS): MUKA SURAT 8  
 TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Raising awareness of climate change

University organises competition, fiesta to get more schoolchildren interested in STEM



Prof Chuah trying out a prototype by one of the participating teams.



Prof Mohd Saleh (in white) visiting some of the booths at the fiesta.

UNIVERSITI Tunku Abdul Rahman (UTAR) has organised a robotics competition to raise awareness of climate change.

The Ecobot Competition was jointly organised by the university's Engineering and Green Technology faculty and Technological Association of Malaysia (TAM) in conjunction with the faculty's Science, Technology, and Engineering and Mathematics (STEM) fiesta.

The state-level robotics competition was open to primary, secondary and tertiary students to build a robot that is not only environmentally friendly, but also functional in

terms of combating climate change and its effects.

The fiesta, on the other hand, was an initiative by faculty students to introduce its departments through exhibitions and workshops.

Higher Education deputy director-general Professor Datuk Dr Mohd Saleh Jaafar launched the event.

Also present were UTAR president Professor Datuk Dr Chuah Hean Teik and TAM president Yam Teong Sian.

Prof Chuah said the event was held to promote STEM education among schoolchildren.

He also advised students to relook at science and engineering differently.

"We create things which have never existed before and we use creations to benefit mankind, such as improving the lives of people.

"Therefore, I really hope most of you will consider science and engineering as your career choices, as the nation needs more talents in these fields to progress further," he added.

Prof Mohd Saleh, in his speech, said in one of the studies reported by the Education Ministry, almost 70% of students had expressed low interest in STEM subjects.

He said this was a worrying trend as the nation required STEM talents in the advent of the fourth industrial revolution.

"The ministry feels that STEM should be made more accessible and approachable through the

implementation of three policy shifts in STEM education under the 'STEM For All' initiative.

"Such shifts include increasing students' interest in STEM by encouraging teachers to be creative, expanding access to learn STEM subjects even to those in the rural areas, and rebranding STEM to STREAM (Science, Technology, Reading, Arts and Mathematics)," he added.




**LAMPIRAN 14**  
**THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)**

## **Varsities mobilise to fight climate change**

**NEW YORK:** Thousands of universities worldwide on Wednesday declared a “climate emergency” and committed themselves with the United Nations to fighting climate change, in an effort to mobilise their students. The representatives of more than 7,000 educational institutions promised to achieve carbon neutrality by 2030, or 2050 at the latest. They also pledged more resources for “action-oriented” climate change research and skills development, and to develop environmental education on campus and through outreach programmes. **Agencies**



LAMPIRAN 15  
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 69  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)



Zulkifli pointing to the area behind a line of mangrove trees where rubbish has caused an unbearable stench. – Photos: FAIHAN GHANI/The Star

# Up in arms over dumpsite stink

## Port Klang residents say unbearable stench is at its worst early in the morning and at night

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

RESIDENTS in Taman Teluk Gadung Indah (TTGI) in Port Klang are fed up with the constant bad smell caused by illegal rubbish dumping not far from the neighbourhood.

They said they have had to endure the foul stench for nearly two decades.

One of them, Steven Teo Abdullah, 43, described the stench as "torture".

"I have been living here for five years and the bad smell in the air has taken a toll on me and my children's health," he claimed.

"It is difficult to describe the smell. It is like a mix of something rotting, smoke and wastewater. The smell is at its worst around dawn until about 6.45am. And it gets just as bad from around 7pm to 8.45pm. It leaves us all nauseous."

Some 900 residents live in the neighbourhood of double-storey medium-cost terrace houses, low-cost flats and shops.

Another resident, Abdul Raji Hasan, 61, said little had been done by the authorities to get to the bottom of the putrid smell despite numerous complaints.

"It is relentless. Sometimes the smell assails me before I go to bed and again at 5.30am. We cannot go for morning walks. It is just torture for all the families living in TTGI," he said.

Residents J. Thirumurugan, 18, and Shahril Kahrudin, 36, said the smell had gotten worse in recent months.

TTGI Residents' Association chairman Zulkifli Saad, 49, said the smell emanated from rubbish dumped in a swamp area parallel



Residents claim domestic and renovation waste have been dumped in swamp area facing their houses.

to Jalan Sama Gagah 21, just over the high tide drainage barrier near the houses.

"We have seen domestic waste and renovation debris being dumped at the edge of the swamp area."

"The domestic waste rotting in the swamp water is what creates the awful smell," he said.

According to Zulkifli, the situation appeared under control for a brief period in 2009 after Klang MP Charles Santiago, Klang Municipal Council (MPK) and Klang District and Land Office personnel visited the area.

"I understand the authorities visited the swamp area occupied by a mangrove timber company. After their visit, the stench stopped. But the issue cropped up again around 2014 and 2015."

He added that the rancid smell returned with a vengeance three

months ago.

"There was thick smoke from the burning of rubbish at the illegal dumpsite and that made it difficult to breathe. The air is toxic and harmful, especially to children."

"We believe the illegal dumping of domestic waste in the swamp has started again. People have noticed smoke at dawn from across the swamp behind the thin line of mangrove trees."

Zulkifli said the residents wanted MPK to remove the waste to get rid of the smell permanently.

"We also urge the Klang District and Land Office to seize the land as its use is clearly being abused."

When contacted, MPK's Environmental Services Department director Dawari Daud said "at this moment I cannot comment but officers will conduct an investigation".

LAMPIRAN 16  
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 65  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Hayabusa2 mendarat kali kedua atas asteroid

Pesawat angkasa lepas Jepun kumpul sampel kaji evolusi sistem suria

**Tokyo:** Pesawat angkasa lepas Jepun, Hayabusa2 selamat mendarat di atas sebuah asteroid, semalam untuk kali kedua dan terakhir dalam usaha mengumpul sampel yang mungkin menjelaskan evolusi sistem suria.

"Pendaratan berjaya," kata jurucakap Agensi Penerokaan Angkasa Lepas Jepun (JAXA), Takayuki Tomobe kepada AFP yang disambut sorakan dan tepukan dalam bilik misi kawalan agensi berkenaan.

Terdahulu, pihak berkuasa JAXA berkata, kapal angkasa itu mendarat dengan selamat, namun pengesahan hanya dapat dilakukan selepas Hayabusa2 meneruskan komunikasi dengan bilik kawalan.

"Kami semua lega melihat kapal angkasa terus menghantar data daripada antena, yang dapat menghantar jumlah besar data kepada kami," kata Tomobe.

Pendaratan seketika, semalam adalah kali kedua dilakukan Hayabusa2 di atas asteroid Ryugu, sejauh 300 juta kilometer dari bumi.


Misi rumit beberapa tahun itu juga membabitkan penghantaran kenderaan perayau dan robot ke permukaannya.

Pendaratan semalam bertujuan mengutip bahan asli dari bawah permukaan asteroid yang dapat memberi penjelasan bagaimana kelahiran sistem suria, kira-kira 4.6 bilion tahun lalu.

Untuk mendapatkan bahan penting itu, pada April lalu, satu 'pemampat' dilepaskan dari Hayabusa2 ke arah Ryugu dalam proses berisiko yang mewujudkan kawah pada permukaan asteroid dan mencampurkan bahan yang sebelum ini tidak didedahkan kepada atmosfera.

Namun, ada beberapa tanggapan bahawa misi kali ini mungkin akan diteruskan pada masa hadapan.

AFP



Skrin komputer menunjukkan imej pesawat Hayabusa2 yang selamat mendarat di asteroid Ryugu, semalam. (Foto AFP)

## Misi Hayabusa2

- » Dilancarkan pada Disember 2014, dari Pusat Angkasa Lepas Tanegashima.
- » Ia mengambil masa tiga setengah tahun untuk sampai ke Ryugu, namun jarak perjalanan pulang dikatakan singkat kerana Bumi dan asteroid bertambah dekat apabila pesawat kembali disebabkan laluan orbit mereka.
- » Pesawat kapal angkasa itu dijangka kembali ke Bumi pada lewat 2020.
- » Misi enam tahun membatik kos sekitar 30 bilion yen (RM1.13 bilion)

Grafik3H

LAMPIRAN 17  
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 64  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)



Kerusi dan payung yang musnah selepas ribut kuat melanda Nea Plagia, Chalkidiki, di bahagian utara Greece, semalam.

(Foto EPA)

## 7 maut ribut kuat, hujan landa Greece

**Thessaloniki:** Tujuh orang, termasuk enam pelancong maut dan sekurang-kurangnya 100 cedera selepas puting beliung dan ribut hujan melanda bahagian utara Greece, semalam.

Ia turut menyaksikan ribuan pelancong terkandas selepas angin kencang membadai rantau Halkidiki, berhampiran bandar di sini, menurut pihak berkuasa.

Enam pelancong, termasuk dua kanak-kanak terbunuh dengan dua masing-masing dari Republik Czech, Russia dan Romania.

Ada laporan menyebut, mayat ketujuh ditemui di laut, tetapi ia belum dapat disahkan lagi selepas ribut ganas itu berlaku hanya kira-kira 20 minit.

Dalam satu taklimat kecema-

san, jurucakap kerajaan, Stelios Petsas, semalam berkata kawasan dilanda itu dilanda angin kuat selaju 100 kilometer sejam.

Rakaman televisyen menunjukkan kenderaan terbalik, pokok tumbang, bumbung berlungbang serta banjir lumpur. Ribut itu berlaku selepas suhu di Greece meningkat kepada 37 darjah Celsius sejak dua hari lalu.

Sementara itu, pasangan dari Czechoslovakia maut apabila angin kencang menerbangkan karavan mereka sementara seorang lelaki Russia dan anak lelakinya maut ditimpa pokok tumbang, kata polis.

Serpihan dari sebuah bangunan meragut nyawa seorang wanita dari Romania dan anaknya.

AFP

LAMPIRAN 18  
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 66  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

## TOURISM BOOM

# CRUISES WORRY GREEN GROUPS

Chinese tourists fuelling boom, but huge new liners may destroy environment

## SINGAPORE

**C**RUISES are enjoying a boom fuelled in part by hordes of Chinese tourists taking to the high seas, but green groups warn a wave of hulking new liners may cause environmental devastation.

Modern liners resemble floating, futuristic cities capable of carrying thousands of passengers, where robot bartenders serve drinks and passengers can enjoy hi-tech entertainment.

Many of the newer sophisticated ships aim to appeal to the rapidly growing Chinese cruise market — now the second-biggest in the world after the United States — and are choosing cities in the Asian giant as their home ports.

As tourism booms in increasingly wealthy China, there is a growing "desire and enthusiasm" for cruises, said Wang Mi, spokesman for Chinese online travel agency Tuniu.

About 30 million people worldwide are expected to go on a cruise this year, up nearly 70 percent from a decade ago, according to the Cruise Lines International Association.

While the more mature US market remains the largest globally, China is growing fast. Last year, about 2.4 million Chinese tourists went on a cruise, more than triple the number in 2014.

"There is rising demand right across Asia with growth at double digits in some countries," said Gavin Smith, senior vice-president international of US cruise giant Royal Caribbean.

"We see a big range of environmental impacts from the cruise industry. Everything from air pollution to waste water, sewage, oily discharges, food wastes, plastics," said Marcie Keever, oceans and vessels programme director at Friends of the Earth US.



Cruises offer facilities and entertainment for many tourists. FILE PIC

A major concern is high levels of sulphur oxide emissions, a toxic gas which causes respiratory problems and lung disease, and can lead to acid rain and damage aquatic species.

Efforts are being made to reduce the amount of the gas emitted. New industry standards will from next year require all ships to cut sulphur oxide content in fuel to a maximum 0.5 per cent from

the current 3.5 per cent limit.

There are also worries about the impact of mammoth vessels on the cities they berth at during voyages. Industry players insist they are doing their part to reduce pollution.

Royal Caribbean has installed systems that clean almost all sulphur oxide and other pollutants from emissions, according to Nick Rose, the firm's director for

environmental programmes.

"Cruise ships are cleaner than ever before and improving with each new class of ship," Rose said.

Typical of the new generation of liners is Royal Caribbean's Spectrum of the Seas. Custom-built for the Asian market and billed as the region's biggest cruise ship, the 345m vessel can carry over 5,600 guests.

Entertainment includes simulated skydiving in a wind tunnel, bouncing on a trampoline while wearing a virtual reality headset and bumper cars, all aimed at an increasingly younger generation of cruise-goers.

There are 17 restaurants onboard and the huge range of accommodation includes a two-storey family suite that comes with a private karaoke room and children's slide.

Passenger Sylvia Bau, a veteran cruise-goer on holiday with six relatives, was amazed at the rapid growth of liners over the years.

"You can live in the ship for days without getting bored," the 58-year-old Singaporean said.

**AFP**



# LAMPIRAN 19 HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 40 TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

40

global

12-07-2019



SEORANG lelaki berlari mencari tempat teduh ketika ribut melanda. - Daily Mail

AFP  
Thessaloniki (Greece)

Tujuh pelancong termasuk dua kanak-kanak terbunuh dalam ribut besar yang tiba-tiba melanda kawasan pantai popular di Greece dengan mangsa yang terselamat menyifatkan pengalaman 'bagai neraka' malah ada yang mendakwa diterbangkan angin kencang.

Pelancong yang maut dari Republik Czech, Russia dan Romania, manakala sekurang-kurangnya 23 orang turut cedera dalam kejadian yang hanya mengambil masa 20 minit itu, kata pihak berkuasa. Laporan turut mengatakkan mayat ketujuh ditemui semalam, dipercayai nelayan tempatan.

"Keadaan memang bagai neraka. Orang ramai yang panik melolong dan bertempuran berlari mencari tempat berteduh," kata Haris Lazaridis kepada AFP.

Lazaridis adalah pemilik rumah tumpangan di mana seorang wanita Romania dan anak lelakinya berusia lapan tahun terbunuh selepas bumbung bangunan itu roboh. Katanya, kira-kira 100 orang berteduh di rumah tumpangannya ketika bumbungnya roboh.

Seorang wanita turut mendakwa diterbangkan angin kencang ke dalam tong sampah yang kemudian tergolek.

Pelancong, Kyriakos Athanasiadis, 39, berkata: "Memang ajaib hanya enam orang maut. Keadaan begitu huru-hara, semua restoran di situ dipenuhi orang ramai yang berteduh ketakutan, manakala di luar dapat dilihat objek besar berterbangan akibat angin kencang."

Seorang lagi pemilik rumah tumpangan di tepi pantai di Sozopoli melihat sebuah karavan milik keluarga pelancong dari Republik Czech dimusnahkan ribut.

"Saya melihat karavan itu terbalik dan rabak. Ia diangkat angin tidak ubah seperti kotak mancis," katanya.

Sepasang suami isteri berusia 70-an maut dalam karavan berkenaan, manakala anak lelaki dan cucu masing-masing berusia 48 serta 19 tahun cedera.

Sementara itu, jurucakap kerajaan

Stelios Petsas berkata, kawasan itu dibadai angin dengan kelajuan lebih 100 kilometer sejam.

Menurutnya, 23 orang masih dirawat di hospital termasuk seorang wanita berusia 72 tahun yang dalam keadaan kritikal.

Menurut saksi, ribut itu hanya selama 20 minit, namun menyebabkan kenderaan terbalik, pokok tumbang dan tanah runtuh.

Cuaca seperti itu amat jarang berlaku di Greece yang terkenal dengan cuaca panas kering, malah suhu sejak dua hari lalu mencecah 37 Celsius.

Ketua perlindungan awam utara Greece, Charalambos Steriadis turut menyifatkan ribut berkenaan sebagai fenomena yang tidak pernah dilihat sebelum ini.

Pihak berkuasa mengisytiharkan darurat dan sekurang-kurangnya 140 pekerja penyelamat terbabit dalam operasi yang turut dibantu tentera.

Perdana Menteri Kyriakos Mitsotakis yang baru dilantik selepas pilihan raya Ahad lalu membatalkan semua mesyuaratnya untuk menanganai kejadian itu.

### FAKTA

Seramai 23 orang masih dirawat termasuk seorang wanita warga emas dalam keadaan kritikal

## 'Neraka' 20 minit

■ Pelancong maut, ribut besar tiba-tiba landa pantai popular dalam bencana pelik



DUA wanita mencari barangan mereka di pantai yang dimusnahkan ribut. - AFP

ANGGOTA bomba memotong pokok yang tumbang. - Agensi



KARAVAN milik keluarga dari Republik Czech di mana pasangan suami isteri warga emas terbunuh. - AFP

LAMPIRAN 19 (SAMB.)  
HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 41  
TARIKH: 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

